



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN STRATEGIK ICT MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM **2016-2020** (PSICT)



ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Perutusan Datuk Bandar	i
Pengenalan	1
1.0 Pendekatan Projek	2
• Struktur Tadbir Urus	2
• Metodologi	3
2.0 Visi dan Misi	4
3.0 Teras Strategik	4
4.0 Strategi ICT	6
5.0 Pelan Tindakan	7
• Teras 1	7
• Teras 2	14
• Teras 3	18
• Teras 4	20
6.0 Pelan Pelaksanaan	21
• Penjajaran Program ICT MBSA Dengan Sektor Awam	21
• Jadual Pelaksanaan Program	22
• Implikasi Kewangan	23
• Faktor Kritikal Program	23
Penutup	25
Glosari	26



RINGKASAN EKSEKUTIF
PELAN STRATEGIK ICT
 MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM | PSICT
2016-2020



PERUTUSAN DATUK BANDAR

Syukur Alhamdulillah kerana dengan izin dan limpah kurniaNya Majlis Bandaraya Shah Alam telah berjaya menggubal Pelan Strategik ICT (PSICT) MBSA 2016-2020 sejajar dengan pembangunan Pelan Strategik MBSA 2016-2020. PSICT ini adalah komitmen yang tinggi daripada seluruh warga MBSA terhadap usaha-usaha penambahbaikan yang berterusan dan penggunaan teknologi ICT bagi mencapai Visi Majlis iaitu Menjadikan Shah Alam Sebuah Bandaraya yang Berkualiti, Sejahtera, Kondusif dan Terunggul dengan misi Menjadikan Tadbir Urus MBSA Sebagai Organisasi yang Efisien, Kompeten, Dinamik dan Terus Cemerlang.

Dengan terhasilnya Pelan Strategik ICT MBSA 2016-2020, perancangan dan pelaksanaan program ICT di MBSA dapat diurus dengan lebih tersusun dan memenuhi keperluan serta selaras dengan kemajuan teknologi dan bidang baharu ICT. Peningkatan perkhidmatan kepada pelanggan dengan menyediakan saluran-saluran yang memudahkan pelanggan untuk berurusan adalah sangat penting. Penggunaan teknologi baru dan terkini dapat membantu MBSA meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan. sebagai sebuah bandar raya, yang berdaya saing seiring dengan teknologi dan keperluan semasa.

Sehubungan itu, saya berharap matlamat MBSA untuk mewujudkan bandaraya pintar dengan menyediakan kemudahan mengakses perkhidmatan kerajaan secara selamat melalui pelbagai saluran serta meningkatkan kecekapan pengurusan ICT berjaya direalisasikan menjelang tahun 2020.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua pihak terutamanya warga MBSA untuk sama-sama mentransformasikan dan membudayakan ICT di dalam urusan perkhidmatan harian agar matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk mencapai gagasan SMART CITY berjaya dicapai terutama di dalam bidang - bidang berkaitan pengurusan dan pembangunan bandar yang lestari seperti pengurusan sampah, pengangkutan, keselamatan bandar, pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur serta lain-lain.

Sekian, terima kasih.

Y.BHG DATO' HAJI AHMAD ZAHARIN BIN MOHD SAAD
DPMS, SMS, BPC
DATUK BANDAR SHAH ALAM
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM



PENGENALAN

Pelan Strategik ICT MBSA 2016 - 2020 (PSICT MBSA 2016 - 2020) merupakan satu 'blue print' yang menggariskan perancangan dan halatuju program teknologi maklumat (ICT) untuk Majlis Bandaraya Shah Alam. Pembangunan PSICT ini merupakan projek dengan kerjasama tujuh (7) ICT Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor yang terlibat. PSICT MBSA 2016 - 2020 ini menetapkan 4 teras strategik utama ICT untuk tempoh 4 tahun 2016 – 2020.

Dokumen PSICT MBSA 2016 – 2020 ini mengandungi 10 strategi dan 30 program ICT yang telah dikenal pasti sebagai strategi dalam pengukuhan pelaksanaan ICT di MBSA bermula tahun 2016 sehingga tahun 2020. Pelan tindakan untuk tempoh empat tahun telah dirangka beserta kos yang terlibat bagi setiap satu program.


Keseluruhan skop pembangunan PSICT MBSA 2016-2020 dirangkum seperti berikut:



Rajah 1: Pembangunan Pelan Strategik ICT MBSA 2016-2020


Metodologi

Pembangunan PSICT mengguna pakai pendekatan Fasa Analisis iaitu merangkumi dua kaedah Penilaian Persekitaran Semasa iaitu Analisis Bisnes dan Analisis ICT seperti berikut:.



Rajah 3: Model Pembangunan PSICT

Metodologi yang digunakan dalam menghasilkan PSICT adalah Model ASF Version 2 seperti berikut:



Rajah 4: Model ASF v2

2.0 VISI DAN MISI



Rajah 5: Visi dan Misi MBSA dan ICT MBSA

3.0 TERAS STRATEGIK

Objektif Teras

Empat teras strategik ICT merangkumi keperluan aplikasi, infrastruktur, modal insan dan tadbir urus ICT telah dikenalpasti untuk memacu hala tuju sepertimana yang ditetapkan menerusi Misi dan Visi ICT MBSA 2016-2020.



1. Pengukuhan Aplikasi Yang Efektif Dan Efisien

- Memperkukuhkan aplikasi ICT yang komprehensif dan sistematik bagi meningkatkan kebolehpercayaan dan keyakinan pengguna
- Mengoptimumkan penggunaan aplikasi ICT dalam penyampaian perkhidmatan digital kerajaan

2. Pengukuhan Infrastruktur ICT Selaras Teknologi Terkini

- Memperkukuhkan infrastruktur ICT bagi menjamin keselamatan dan kebolehpercayaan maklumat
- Meningkatkan kesediaan infrastruktur ICT untuk memenuhi konsep inisiatif teknologi hijau

3. Pemantapan Kompetensi Dan Pembudayaan ICT

- Memperkasa pengetahuan dan kemahiran ICT untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang lebih efektif
- Membudayakan pembelajaran berterusan berteraskan ICT untuk meningkatkan kompetensi


4. Pemantapan Tadbir Urus ICT

- Memantapkan organisasi ICT bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan ICT.
- Mengukuhkan dasar, polisi dan prosedur bagi menjamin keselamatan prasarana ICT.

Rajah 6: Teras Strategik dan Objektif Strategik ICT MBSA

4.0 STRATEGI ICT

Berpandukan kepada empat (4) teras strategik ICT yang telah dibentuk, sebanyak 10 strategi ICT telah dikenalpasti dalam mengukuhkan pelaksanaan ICT di Majlis Bandaraya Shah Alam dari tahun 2016 sehingga 2020.



Rajah 7: Teras Strategik dan Strategi ICT



5.0 PELAN TINDAKAN

Berikut 10 Strategi dan 30 Program ICT yang dirangka dengan pelan tindakan yang lengkap bagi mencapai perancangan dalam pengukuhan pelaksanaan ICT MBSA bermula tahun 2016 sehingga tahun 2020.

TERAS STRATEGIK 1: PENGUKUHAN APLIKASI YANG EFEKTIF DAN EFISIEN		
Strategi	Program	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
1) Pemantapan Aplikasi dan Gerbang Perkhidmatan Digital	1a. Pengukuhan Sistem Teras Perkhidmatan (SAIIS)	
	i. Sistem Pelesenan - Bayaran Dalam Talian - Kiosk Bayaran	<u>Feb 2016</u> Kelulusan Pengurusan <u>April 2016</u> Melantik pembekal <u>Jun 2016</u> Pelaksanaan Bayaran Secara Dalam Talian Sistem Pelesenan <u>Okt 2016</u> Pelaksanaan kiosk pembayaran dan mencetak lesen secara layan diri (<i>Self Service</i>)
	ii. Sistem Kompaun - Integrasi <i>blacklist</i> - Modul Tunda Kenderaan - Integrasi GIS	<u>Dis 2016</u> Pelaksanaan integrasi data bagi tujuan menyenaraihitamkan (<i>blacklist</i>) ~ urusan dengan Majlis <u>Mei 2017</u> Pelaksanaan Modul Tunda Kenderaan (Sistem Kompaun)



TERAS STRATEGIK 1: PENGUKUHAN APLIKASI YANG EFEKTIF DAN EFISIEN

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
		<u>Dis 2017</u> Pelaksanaan Integrasi Sistem Kompaun dengan GIS
	iii. Sistem Kutipan • <i>Mobile App</i> • Terminal Bayaran Mudah Alih	<u>Sept 2016</u> Pelaksanaan <i>Mobile App</i> Sistem Kutipan <u>Dis 2016</u> Pelaksanaan Terminal Bayaran Mudah Alih di lokasi luar
	iv. Sistem Penilaian • Sistem Penilaian Di Tapak • Integrasi Pelan Bangunan	<u>Dis 2016</u> Pelaksanaan Sistem Penilaian Di Tapak <u>Dis 2017</u> Pelaksanaan "Attachment" Pelan Bangunan (<i>softcopy</i>) kepada Sistem Penilaian
	v. Sistem Demerit • <i>Back-end</i> Sistem Demerit • <i>Mobile App</i>	<u>Jun 2016</u> • Pelaksanaan Sistem Demerit • Pelaksanaan <i>Mobile App</i> Sistem Demerit
	vi. Sistem Permit • Sistem Permit Jabatan Bangunan • Sistem Permit Jabatan Kejuruteraan • Sistem Permit Jabatan Perancangan	<u>Dis 2016</u> Pelaksanaan Sistem Permit Jabatan Bangunan <u>Dis 2017</u> • Pelaksanaan Sistem Permit Jabatan Kejuruteraan • Pelaksanaan Sistem Permit Jabatan Perancangan
	vii. Sistem Pengurusan Tempat	<u>Sept 2016</u>



TERAS STRATEGIK 1: PENGUKUHAN APLIKASI YANG EFEKTIF DAN EFISIEN

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
	Letak Kereta Khas	Pelaksanaan Sistem Pengurusan Tempat Letak Kereta Khas (Web Based)
	1b. Naik Taraf Sistem Kepada Persekitaran Web	
	i. Sistem Sumber Manusia • Sistem Kakitangan • Sistem Maklumat Perjawatan • Sistem Kedatangan • Sistem Tuntutan Elaun Perjalanan dan Lodging • Sistem Permohonan Keluar Negara • Sistem Gaji • Sistem Elaun Lebih Masa • Sistem Elaun Ahli Majlis	<u>Jun 2016</u> • Pelaksanaan Sistem Kakitangan (Web Based) • Pelaksanaan Sistem Maklumat Perjawatan (Web Based) • Pelaksanaan Sistem Kedatangan (Web Based) • Pelaksanaan Sistem Tuntutan Elaun Perjalanan dan Lodging (Web Based) • Pelaksanaan Sistem Permohonan Keluar Negara (Web Based) <u>Sept 2016</u> Pelaksanaan Sistem Permohonan Keluar Negara (Web Based) <u>Dis 2016</u> Pelaksanaan Sistem Gaji (Web Based) <u>Dis 2017</u> • Pelaksanaan Sistem Elaun Lebih Masa (Web Based) • Pelaksanaan Sistem Elaun Ahli Majlis (Web Based)



TERAS STRATEGIK 1: PENGUKUHAN APLIKASI YANG EFEKTIF DAN EFISIEN

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
	ii. Sistem Rumah Rehat	<u>Mei 2017</u> Pelaksanaan Sistem Rumah Rehat (Web Based)
	iii. Sistem Pengurusan Kenderaan	<u>Mei 2017</u> Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kenderaan (Web Based)
	iv. Sistem Pembiayaan Kenderaan dan Komputer	<u>Mei 2017</u> Pelaksanaan Sistem Pembiayaan Kenderaan Dan Komputer (Web Based)
	1c. Pembangunan Aplikasi Mudah Alih	
	i. Sistem Aduan Awam iResponz	<u>Okt 2016</u> Pelaksanaan Mobile App (pelaksana) Sistem Aduan Awam iResponz
	ii. Modul Permit Kejuruteraan	<u>Nov 2016</u> Pelaksanaan Mobile App Modul Permit Kejuruteraan
	iii. Modul Penggredan Premis Makanan	<u>Nov 2016</u> Pelaksanaan Mobile App Modul Penggredan Premis Makanan
	iv. Modul Pemantauan Kelulusan Lesen	<u>Nov 2016</u> Pelaksanaan Mobile App Modul Pemantauan Kelulusan Lesen
	v. Modul Sewaan	<u>Nov 2016</u> Pelaksanaan Mobile App Modul Sewaan
	1d. Pengukuhan Portal MBSA	<u>Jan 2019</u>



TERAS STRATEGIK 1: PENGUKUHAN APLIKASI YANG EFEKTIF DAN EFISIEN

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
	Pematuhan Kriteria Mandotari dan Tidak Mandotari penilaian portal MDEC	- Kajian <u>Feb 2019</u> - Penyediaan kertas kelulusan dan spesifikasi <u>Mac 2019</u> - Kelulusan pengurusan <u>April 2019</u> - Melantik pembekal <u>Mei-Nov 2019</u> - Pembangunan <u>Dis 2019</u> Pelaksanaan
	1e. Penambahbaikan Modul Aplikasi Dalam Talian	
	i. Fasa 1 - Pelesenan - Tempahan - Sewaan - Bayaran	<u>Nov – Dis 2015</u> Pembangunan <u>Jan 2016</u> Selesai Fasa 1
	ii. Fasa 2 - Permit - Wang Cagaran - Pemborong	<u>Feb – Apr 2016</u> Pembangunan <u>Mei 2016</u> Selesai Fasa 2
	iii. Fasa 3 - Kompaun - Penilaian dan Cukai Taksiran	<u>Jun – Jul 2016</u> Pembangunan <u>Ogos 2016</u> Selesai Fasa 3



TERAS STRATEGIK 1: PENGUKUHAN APLIKASI YANG EFEKTIF DAN EFISIEN

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
	1f. Peningkatan Komunikasi Kepada Pelanggan	<u>Apr 2016</u> Pembangunan <u>Jun 2016</u> Pelaksanaan
2) Pelaksanaan Persekitaran Digital Virtual Office (DVO)	2a. Pembangunan Dan Pelaksanaan DVO i. Site - Halaman <i>Virtual Office</i> - Jabatan - Individu ii. <i>Document Library</i> (EDMS) iii. Emel iv. <i>Digital Board</i> v. Forum & Komunikasi	<u>Feb 2016</u> Melantik Pembekal <u>Mac-Jul 2016</u> Pembangunan <u>Ogos 2016</u> Pelaksanaan
3) Pembangunan Baharu Sistem Aplikasi	3a. Executive Enterprise Portal (EEP) - Skop: Hasil, Bukan Hasil, Staf <i>Architecture</i> <i>Dashboard</i> <i>Repository</i> - Artifak	<u>Feb 2016</u> Kajian <u>Mac 2016</u> Penyediaan kertas kelulusan dan spesifikasi <u>April 2016</u> Kelulusan pengurusan <u>Mei 2016</u> Melantik pembekal <u>Jun –Nov 2016</u> Pembangunan



TERAS STRATEGIK 1: PENGUKUHAN APLIKASI YANG EFEKTIF DAN EFISIEN

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
		<u>Dis 2016</u> Pelaksanaan
	3b. Pembangunan Sistem Teras	
	i. Sistem Penyelenggaraan Aset Majlis	<u>Dis 2016</u> Pelaksanaan Sistem Penyelenggaraan Aset Majlis
	ii. Sistem Pengurusan Projek • <i>Back-end system</i> • <i>Mobile App</i>	<u>Dis 2016</u> Pelaksanaan Sistem Pengurusan Projek <u>Dis 2017</u> Pelaksanaan <i>Mobile App</i> Sistem Pengurusan Projek
	iii. Sistem Pengurusan Kualiti	<u>Dis 2018</u> Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti
	iv. Sistem "Alert" Kerosakan Lampu Isyarat	<u>Dis 2019</u> Pelaksanaan Sistem "Alert" Kerosakan Lampu Isyarat
	v. "Info Traffic Shah Alam"	<u>Dis 2020</u> Pelaksanaan Sistem "Info Traffic Shah Alam"



TERAS STRATEGIK 2: PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT SELARAS TEKNOLOGI TERKINI

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
1) Pengukuhan Infrastruktur ICT	1a. Perolehan Baharu Peralatan ICT - Komputer - Komputer Riba - Pencetak - Virtual Server	<u>Dis 2016</u> Siap Laporan Keperluan Perkakasan <u>Jan – Jul 2017</u> Kelulusan dan lantikan pembekal <u>Dis 2017</u> Perolehan perkakasan baru siap dilaksanakan <u>Jan – Jul 2018</u> Kelulusan dan lantikan pembekal <u>Dis 2018</u> Perolehan perkakasan baru siap dilaksanakan <u>Jan – Jul 2019</u> Kelulusan dan lantikan pembekal <u>Dis 2019</u> Perolehan perkakasan baru siap dilaksanakan <u>Jan – Jul 2020</u> Kelulusan dan lantikan pembekal <u>Dis 2020</u> Perolehan perkakasan baru siap dilaksanakan
	1b. Naik Taraf 'Live Video Streaming (LVS)' MBSA V.2	<u>Jan - Mac 2016</u> Kelulusan pengurusan dan lantikan pembekal <u>Apr - Nov 2016</u> Pelaksanaan <u>Dis 2016</u> Projek naiktaraf siap sepenuhnya
2) Pengukuhan Rangkaian MBSA Net	2a. Peningkatan Kelajuan Rangkaian Ke arah 10GB	<u>Jan 2019</u> Kelulusan perolehan <u>Mac 2016</u> Lantikan pembekal <u>Dis 2019</u> Peningkatan rangkaian Majlis



TERAS STRATEGIK 2: PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT SELARAS TEKNOLOGI TERKINI

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
		menggunakan kelajuan minimum 10Gbps siap dilaksanakan
	2b. Naik Taraf Capaian Wifi Pertambahan Lokasi Pemasangan di Bangunan MBSA	Jan 2017 Siap Laporan Cadangan Pertambahan Lokasi Sept 2017 50% rangkaian Majlis menggunakan tanpa wayar Sept 2018 70% rangkaian Majlis menggunakan tanpa wayar Sept 2019 100% rangkaian Majlis menggunakan tanpa wayar
	2c. Perluasan Kemudahan Capaian Wifi 3 Pejabat Cawangan - Pejabat Pengurusan Stadium - Pejabat Bengkel Seksyen 17	Jan 2016 Kelulusan perolehan Mac 2016 Lantikan pembekal Dis 2017- 2019 2 lokasi baru tersedia capaian wifi setiap tahun
	2d. Naik taraf Rangkaian Internet Menyediakan perkhidmatan internet berkelajuan tinggi	Feb 2018 Kelulusan perolehan Apr 2018 Lantikan pembekal Dis 2018 Rangkaian internet Majlis berkelajuan tinggi
3) Pengukuhan Keselamatan ICT Dan Teknologi Hijau	3a. Peningkatan Keselamatan Capaian Maklumat	
	Pertambahan lesen Active Directory (AD)	Apr 2016 Siap kajian keperluan tambahan Dis 2016 Perolehan pertambahan lesen AD siap dilaksanakan
	Penggunaan Bandwidth Management	Sept 2017 Penggunaan Bandwidth Management bagi melaksanakan keutamaan



TERAS STRATEGIK 2: PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT SELARAS TEKNOLOGI TERKINI

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
		capaian
	Pelaksanaan Server Farm	Dis 2018 Siap kajian pelaksanaan server farm Feb 2018 Lantikan pembekal Dis 2019 Pelaksanaan server farm bagi memastikan keselamatan capaian data terjamin.
	3b. Perluasan Lokasi Pemasangan CCTV Pertambahan 10% setahun	Setiap Tahun 10% tambahan pemasangan CCTV (hotspot/ Bangunan MBSA) mengikut keperluan
	3c. Pembangunan Data Recovery Center (DRC) Berkonsepkan virtualization	Jun 2017 DRC berkonsepkan virtualization siap dilaksanakan
	3d. Pelaksanaan Virtual Desktop Infrastructure (VDI) Konsep komputer maya yang mempunyai sistem pengoperasian secara berpusat	Dis 2016 Kajian keperluan siap dilaksanakan Dis 2017 10% perolehan dilaksanakan Dis 2018 10% perolehan dilaksanakan Dis 2019 10% perolehan dilaksanakan Dis 2020 10% perolehan dilaksanakan
	3e. Pembangunan Green Data Center Pusat Data berkonsepkan rendah karbon dan kos pengoperasian yang rendah	Jun 2016 Siap kajian keperluan Green Data Center Dis 2017 Pusat Data MBSA siap dibangunkan menggunakan teknologi hijau Sept 2018 Bilik Server di Pejabat Cawangan



TERAS STRATEGIK 2: PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT SELARAS TEKNOLOGI TERKINI

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
		Sungai Buloh dan Pejabat Cawangan Kota Kemuning siap dibangunkan menggunakan teknologi hijau <u>Sept 2019</u> Bilik Server di Pejabat Cawangan Setia Alam, Pejabat Pengurusan Stadium dan Pejabat Seksyen 17 siap dibangunkan menggunakan teknologi hijau



TERAS STRATEGIK 3: PEMANTAPAN KOMPETENSI DAN PEMBUDAYAAN ICT		
Strategi	Program	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
1) Peningkatan Kompetensi ICT Kakitangan	1a. Pembangunan Pelan Latihan ICT 2017 - 2020 - Tenaga Pengajar Dalam - Kakitangan MBSA - Persijilan	<u>Dis 2016</u> Pelan pembangunan latihan telah dirancang
	1b. Pelaksanaan Latihan ICT 2017 – 2020 - Tenaga Pengajar Dalam - Kakitangan MBSA - Persijilan - Pengiktirafan Persijilan Professional ICT - Meningkatkan kepakaran dan kemajuan kerjaya - Pensijilan dari INTAN	<u>Setiap tahun</u> 2 Kursus kakitangan teknikal 2 Kursus kakitangan bukan teknikal 1 Kursus kepada kakitangan berkaitan sistem yang dilaksanakan <u>Jumlah kehadiran</u> Sekurang-kurangnya 90% hadir kursus
2) Pemantapan Pembudayaan ICT	2a. Pelaksanaan Program Technology Update / Knowledge Update / Sharing Technology	<u>Setiap tahun</u> 4 program berkaitan yang dilaksanakan mengikut keperluan <u>Jumlah kehadiran</u> Sekurang-kurangnya 90% hadir program
	2b. Penganjuran Program ICT MBSA/ EzIT@MBSA - Awareness Program – Bulan Kesedaran ICT - Dasar Keselamatan ICT	<u>Setiap tahun</u> 2 Pelancaran program / sistem yang telah dilaksanakan 1 Program kesedaran / minggu kualiti integrasi



TERAS STRATEGIK 3: PEMANTAPAN KOMPETENSI DAN PEMBUDAYAAN ICT


Strategi	Program	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
	(DKICT) - Minggu Kualiti - Program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Inovasi - Program Jimat Tenaga - Sayangi Bumi Anda 60 Earth Hour	bersama jabatan/ bahagian 1 Program kesedaran anjuran WWF 1 Program kesedaran bersama pelanggan (melalui app Telegram) 1 kumpulan / program berteras sistem mewakili program KIK <u>Jumlah kehadiran</u> Sekurang-kurangnya 90% kakitangan dan pelanggan mengetahui berkenaan perkembangan ICT
	2c. Program Pengurusan Perubahan Melalui ICT (Kakitangan Dan Pelanggan) - Portal Rasmi - EPS - Eboard - Info Board - Buletin bulanan - Apps	<u>Setiap tahun</u> 5 Hebahan program / aktiviti / teknologi / aplikasi terkini melalui portal, Eboard, EPS, Info Board, buletin bulanan dan aplikasi mesej (WhatsApp dan Telegram) <u>Jumlah kehadiran</u> Sekurang-kurangnya 90% kakitangan dan pelanggan mengetahui hebahan



TERAS STRATEGIK 4: PEMANTAPAN TADBIR URUS ICT		
Strategi	Program	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
1) Pemantapan Tadbir Urus ICT	1a. Semakan Semula Peranan - Jawatankuasa Pemandu ICT - Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat - Peningkatan Pengurusan Jawatankuasa Portal	<u>Sept 2016</u> Kajian dan semakan peranan jawatankuasa <u>Dis 2016</u> Semakan peranan dan fungsi jawatankuasa siap dilaksanakan
	1b. Penstrukturan Semula Dan Penambahan Jawatan	<u>Dis 2017</u> Penstrukturan semula dan penambahan jawatan ICT mendapat kelulusan pengurusan
2) Pengukuhan Pematuhan Dasar dan Prosedur ICT	2a. Semakan Semula Polisi Sedia Ada - Pengurusan Portal MBSA - Pengurusan Emel - Pengoperasian CCTV	<u>Dis 2016</u> 1 polisi siap disemak <u>Dis 2017</u> 2 polisi siap disemak
	2b. Penguatkuasaan Pelaksanaan DKICT V2	<u>Setiap Tahun</u> 1 program kesedaran dilaksanakan
	2c. Pematuhan Pensijilan ISMS / MS ISO - Prosedur Pengurusan Aduan ICT (PRO/ KS/ ICT PAICT - 01) - Semua Prosedur Operasi iSMS	<u>Setiap Tahun</u> 1 audit dalaman ICT dilaksanakan

6.0 PELAN PERLAKSANAAN


- Penjajaran Program ICT MBSA dengan Rangka Kerja Sektor Awam



Rajah 8: Penjajaran Program ICT MBSA Dengan Sektor Awam

• Jadual Pelaksanaan Program

Gambaran secara keseluruhan proram ICT MBSA yang akan dilaksanakan pada tahun yang berkaitan.




Rajah 9: Jadual Pelaksanaan Program Mengikut Tahun 2016-2020

• Implikasi Kewangan

Anggaran kos pelaksanaan telah ditentukan bagi program-program dan aktiviti yang dirangka. Komponen kos melibatkan kos *one-off* dan kos berulang. Sebanyak **RM40.7 juta** dicadangkan bagi tujuan melaksanakan program-program dan aktiviti ICT MBSA bagi tempoh 2016-2020.

Rajah 10 berikut menunjukkan keseluruhan anggaran kos yang terlibat iaitu bagi Kos One Off/Pembangunan dan Kos Berulang/ Penyenggaraan:



Rajah 10: Anggaran Keseluruhan Kos

• Faktor Kritikal Program

Dalam merealisasikan PSICT MBSA 2016-2020 ini, beberapa faktor telah dikenalpasti dalam menyokong pelaksanaan seperti berikut:

i. Komitmen dan Sokongan Pengurusan

Sokongan daripada pihak pengurusan dan komitmen daripada kakitangan juga menjadi penentu kejayaan pelan strategik ICT


MBSA. Pengurusan atasan yang peka dan menyokong perancangan dan pelaksanaan projek ICT akan memudahkan pelaksanaan program-program yang telah dirangka.

ii. Komitmen Kakitangan

Komitmen kakitangan dalam kesediaan untuk meningkatkan kepakaran dan kompetensi berkaitan ICT amatlah perlu bagi memastikan kemahiran dan kepakaran dari segi pembangunan sistem aplikasi, rangkaian, pengkalan data dan keselamatan ICT sentiasa dipertingkatkan. Kakitangan yang ada juga perlu peka dan sentiasa mengikuti perkembangan dan perubahan teknologi yang bergerak pantas.

iii. Kesediaan infrastruktur dan infostruktur ICT

Kesediaan infrastruktur dan infostruktur ICT dalam menyediakan perkhidmatan yang mantap selaras dengan perubahan teknologi yang pantas memerlukan perancangan yang sesuai dan tepat dengan pembangunan aplikasi dan pelaksanaan projek ICT yang boleh memberi impak yang tinggi kepada organisasi.



Rajah 11: Faktor Kritikal Program



PENUTUP

Pelan Strategik ICT MBSA yang dirancang akan menyokong Pelan Strategik MBSA untuk mencapai visi dan misinya. Tempoh pelaksanaan selama lima tahun iaitu bermula dari tahun 2016 sehingga 2020 disusun seiring dengan hala tuju pelan strategik MBSA yang mempunyai tempoh masa yang sama selama lima tahun bermula pada tahun 2016 dan berakhir pada tahun 2020.

Pelan ini telah digubal secara menyeluruh merangkumi pelbagai aspek dengan mengambilkira faktor kritikal kejayaan bagi setiap program yang dirancang. Sokongan daripada pihak pengurusan, komitmen daripada kakitangan serta kesediaan infrastruktur dan infostruktur ICT akan menjadi penentu kejayaan pelan strategik ICT MBSA.

Pelan ini akan sentiasa dipantau dari masa ke semasa dan dikaji semula setiap tahun agar visi ICT untuk menjadi pemacu ke arah bandaraya pintar dalam merealisasikan hasrat Smart Selangor dapat dicapai dalam meningkatkan kecekapan, inovasi dan kompetensi berteraskan ICT bagi tujuan mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. .



GLOSARI

ISTILAH	PENERANGAN
ASF	Analisis, Strategi Dan Formulasi
BCP	<i>Business Continuity Plan</i>
CCTV	Kamera Litar Tertutup
DKRICT	Dasar Keselamatan ICT
DRC	<i>Data Recovery Center</i>
DVO	<i>Digital Virtual Office</i>
GIS	Geographic Information System
ICT	<i>Information & Communication Technology</i>
ISMS	<i>Information Security Management System</i>
ISO	<i>International Organisation For Standardization</i>
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam
MTSA	Malaysia Trustmark Sektor Awam
OSC	One Stop Center
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDA	<i>Personal Digital Assistant</i>
PIS	Personal Information System
PMO	Pejabat Pengurusan Projek
PSICT	Pelan Strategik Ict
R&D	Penyelidikan & Pembangunan
SMS	Sistem Pesanan Ringkas
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

Bahagian Teknologi Maklumat

Tingkat 1, Wisma MBSA Persiaran Perbandaran
40000 Shah Alam, Selangor

Tel : 03.5522.2715 / 03.5522.2716

Faks : 03.5512.1503

Hotline : 03.5510.5811

Emel : it@mbsa.gov.my

Laman Web : www.mbsa.gov.my

Talian Aduan : 1800-88-4477